

**KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN PERISIAN DAN PERKAKASAN
MULTIMEDIA DI KALANGAN GURU DALAM P&P DI SEKOLAH
MENENGAH ZON SKUDAI**

ROSLINA BINTI ABU BAKAR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**KAJIAN TERHADAP PENGGUNAAN PERISIAN DAN PERKAKASAN
MULTIMEDIA DI KALANGAN GURU DALAM P&P DI SEKOLAH
MENENGAH ZON SKUDAI**

ROSLINA BINTI ABU BAKAR

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan
(Teknologi Pendidikan)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2009

DEDIKASI

Khas Buat : Ayahanda & Bonda yang dirindui

Allahyarham Abu Bakar & Allahyarhamah Che Amah

Terima kasih yang tidak terhingga, pengorbanan, dorongan dan sokonganmu yang telah di berikan satu ketika dulu, tidak akan kulupakan hingga akhir hayatku, segala kenangan yang terukir menjadi kekuatan dan semangatku untuk selamanya.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh ayahanda & bonda.

Teristimewa Buat Suamiku : Mohamad Hafif,

Abang, semoga cinta kita bersemi di dunia dan akhirat...

Untuk ahli-ahli keluarga,

*Mashitah&Mohd Asri, Zabedah&Mohd Sukri, Balkis&Shahabuddin,
Hadromi&Che Putih, Rozita&Mohamad Sabri, Mohd Hanif&Nafishah,*

Rosmini&Saiful Bahri

Bersama permatahati kalian...

Semoga tiada persengketaan antara kita dan persaudaraan yang penuh kasih sayang ini akan kekal selamanya

Doaku agar kalian bahagia di dunia dan akhirat

Buat pensyarah-pensyarah

Terima kasih di atas segalanya ilmu yang dicurahkan

Sahabat seperjuanganku..

Hanya ucapan terima kasih mampu kutitipkan atas segala suka duka tika bersama.

Tidak mungkin kulupakan, jasa, pengorbanan dan tunjuk ajar kalian.

Pahit manis kita lalui akan ku abadikan diingatan hingga ke hujung nyawa.

Salam penuh kasih sayang...

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, saya panjatkan sepenuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan Taufik dan HidayahNya, dapat saya menyiapkan Projek Sarjana ini dengan sempurna. Harapan semoga segala hasil usaha yang sedikit ini dapat memberikan manfaat kepada semua.

Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih khas buat Dr. Noraffandy Bin Yahaya selaku Penyelia Projek Sarjana di atas segala tunjuk ajar, dorongan serta nasihat yang memberangsangkan sepanjang menyiapkan projek ini.

Ucapan penghargaan buat guru-guru Sekolah Menengah Zon Skudai di atas kerjasama yang diberikan. Juga tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang tidak jemu memberi perangsang dan semangat. Semoga usaha dan cita-cita mencapai matlamat yang diimpikan.

Akhir sekali, terima kasih yang tak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menjayakan usaha saya sepanjang menyiapkan Projek Sarjana Pendidikan ini.

Kerjasama kalian amat dihargai. Hanya Allah S.W.T yang dapat membalas segala jasa yang telah diberikan. Semoga segala usaha mendapat keberkatan dan rahmat dariNya, InsyaAllah. Amin.

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi mengetahui penggunaan perisian dan perkakasan multimedia di kalangan guru dalam P&P di Sekolah Menengah Zon Skudai. Di samping itu juga, kajian ini bertujuan untuk melihat penggunaan PBK dalam P&P di kalangan guru Sekolah Menengah Zon Skudai. Populasi kajian ini adalah seramai 1028 guru dari 12 buah sekolah yang berada di dalam Zon Skudai. Pemilihan sampel secara rawak mudah telah dilakukan dan seramai 202 guru sahaja yang terlibat sebagai responden. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan soal selidik yang mengandungi 70 item sebagai instrumen kajian. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of Social Sciences* (SPSS). Nilai kebolehpercayaan soal selidik ini ialah $\alpha = 0.940$. Secara keseluruhan analisis menunjukkan bahawa guru-guru di Sekolah Menengah Zon Skudai menggunakan PBK dalam P&P. Manakala perisian yang sering di gunakan oleh responden ialah perisian Microsoft Office, serta perkakasan yang kerap digunakan ialah komputer, LCD dan Televisyen. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden masih kurang berkemahiran untuk menggunakan peralatan dan perisian yang lebih berteknologi.

ABSTRACT

This study is conducted to determine of using multimedia software and hardware among teachers in the process of teaching and learning and to look the usage of PBK at secondary school in Zone of Skudai. The population of the respondent were 1028 teachers from 12 school in Zone of Skudai. The sample of this study were 202 teachers. This is quantitative research using 70 item questionnaire. Descriptive statistic analysis will be used and the finding are presented by using mod, percentage and mean. The data were collected by using the Statistical Package For The Social Science (SPSS). The trusted of the questionnaire were $\alpha=0.940$. Overall of this analysis was shown that teachers at secondary school in zone of Skudai using PBK in teaching and learning and they always used Microsoft Office software and the hardware, example: computer, LCD and television. The result in this study will shown that the respondent was not expert to use the high technology of software and hardware.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB I	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Batasan Kajian	9
	1.8 Definisi Konsep dan Istilah	9
	1.8.1 Penggunaan	10
	1.8.2 Perkakasan atau Peralatan	10
	1.8.3 Perisian	10
	1.8.4 Multimedia	11

1.9	Kesimpulan	11
-----	------------	----

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Definisi Multimedia	12
2.3	Aplikasi Multimedia dalam Bidang Pendidikan	14
2.4	Penggunaan Multimedia dan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran	17
2.5	Manfaat Multimedia dalam Pembelajaran	19
2.6	Teori Pembelajaran Berasaskan Komputer	20
2.7	Pembangunan Infrastruktur ICT	23
2.8	Kajian Lepas	27
2.9	Kesimpulan	30

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Tempat Kajian	32
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	32
3.5	Instrumen Kajian	33
3.6	Kajian Rintis	38
3.7	Analisis Data	39
3.8	Jangkamasa Kajian	40
3.9	Kesimpulan	40

BAB IV ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	41
4.2	Analisis Data Bahagian A	42
4.3	Analisis Data Bahagian B	47

4.3.1	Analisis Data Berkaitan Penggunaan PBK dalam P&P di kalangan Guru Sekolah Menengah	48
4.4	Analisis Data Bahagian C	58
4.4.1	Analisis Data Berkaitan Penggunaan perisian yang diaplikasikan oleh guru dalam P&P di sekolah Sekolah Menengah	58
4.5	Analisis Data Bahagian D	69
4.5.1	Analisis Data Berkaitan jenis perkakasan multimedia yang digunakan oleh guru dalam P&P	69
4.6	Analisis Pengecilaan Skala	77
4.6.1	Dapatan Keseluruhan Bagi Item Bahagian B	78
4.6.2	Dapatan Keseluruhan Bagi Item Bahagian C	82
4.6.3	Dapatan Keseluruhan Bagi Item Bahagian D	85
4.7	Kesimpulan	88

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	90
5.2	Perbincangan	90
5.2.1	Perbincangan Maklumat dan Latar Belakang Responden	91
5.2.2	Perbincangan Soalan Setiap Objektif	94
5.2.2.1	Perbincangan Bahagian B	94
5.2.2.2	Perbincangan Bahagian C	98
5.2.2.3	Perbincangan Bahagian D	100
5.3	Rumusan	104
5.4	Cadangan	105
5.4.1	Peranan Individu (Guru)	105
5.4.2	Peranan Sekolah-sekolah	105
5.4.3	Peranan IPT	106
5.4.4	Peranan Kementerian Pelajaran Malaysia	106
5.5	Kajian Lanjutan	106
5.6	Kesimpulan	107

BIBLIOGRAFI

108

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Senarai Nama Sekolah dan Jumlah Guru di Sekolah Zon Skudai	33
3.2	Skala Likert bagi Jawapan Bahagian B, C dan D	35
3.3	Pengecilan Skala Likert	36
3.4	Klasifikasi Item Bahagian B mengikut Persoalan Kajian	36
3.5	Klasifikasi Item Bahagian C mengikut Persoalan Kajian	37
3.6	Klasifikasi Item Bahagian D mengikut Persoalan Kajian	37
3.7	Skala Nilai Min	39
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	42
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	42
4.3	Taburan Responden Mengikut Ikhtisas Tertinggi	43
4.4	Taburan Responden Mengikut Mata Pelajaran Utama yang Diajar	44
4.5	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	45
4.6	Taburan Responden Mengikut Tingkatan yang di ajar	46
4.7	Taburan Skor Bagi Item 1	48
4.8	Taburan Skor Bagi Item 2	48
4.9	Taburan Skor Bagi Item 3	48
4.10	Taburan Skor Bagi Item 4	49
4.11	Taburan Skor Bagi Item 5	49
4.12	Taburan Skor Bagi Item 6	50
4.13	Taburan Skor Bagi Item 7	50
4.14	Taburan Skor Bagi Item 8	50
4.15	Taburan Skor Bagi Item 9	51
4.16	Taburan Skor Bagi Item 10	51
4.17	Taburan Skor Bagi Item 11	52

4.18	Taburan Skor Bagi Item 12	52
4.19	Taburan Skor Bagi Item 13	52
4.20	Taburan Skor Bagi Item 14	53
4.21	Taburan Skor Bagi Item 15	53
4.22	Taburan Skor Bagi Item 16	54
4.23	Taburan Skor Bagi Item 17	54
4.24	Taburan Skor Bagi Item 18	54
4.25	Taburan Skor Bagi Item 19	55
4.26	Taburan Skor Bagi Item 20	55
4.27	Taburan Skor Bagi Item 21	56
4.28	Taburan Skor Bagi Item 22	56
4.29	Taburan Skor Bagi Item 23	56
4.30	Taburan Skor Bagi Item 24	57
4.31	Taburan Skor Bagi Item 25	57
4.32	Taburan Skor Bagi Item 1	58
4.33	Taburan Skor Bagi Item 2	58
4.34	Taburan Skor Bagi Item 3	59
4.35	Taburan Skor Bagi Item 4	59
4.36	Taburan Skor Bagi Item 5	60
4.37	Taburan Skor Bagi Item 6	60
4.38	Taburan Skor Bagi Item 7	60
4.39	Taburan Skor Bagi Item 8	61
4.40	Taburan Skor Bagi Item 9	61
4.41	Taburan Skor Bagi Item 10	62
4.42	Taburan Skor Bagi Item 11	62
4.43	Taburan Skor Bagi Item 12	62
4.44	Taburan Skor Bagi Item 13	63
4.45	Taburan Skor Bagi Item 14	63
4.46	Taburan Skor Bagi Item 15	64
4.47	Taburan Skor Bagi Item 16	64
4.48	Taburan Skor Bagi Item 17	64
4.49	Taburan Skor Bagi Item 18	65
4.50	Taburan Skor Bagi Item 19	65

4.51	Taburan Skor Bagi Item 20	66
4.52	Taburan Skor Bagi Item 21	66
4.53	Taburan Skor Bagi Item 22	66
4.54	Taburan Skor Bagi Item 23	67
4.55	Taburan Skor Bagi Item 24	67
4.56	Taburan Skor Bagi Item 25	68
4.57	Taburan Skor Bagi Item 26	68
4.58	Taburan Skor Bagi Item 1	69
4.59	Taburan Skor Bagi Item 2	70
4.60	Taburan Skor Bagi Item 3	70
4.61	Taburan Skor Bagi Item 4	70
4.62	Taburan Skor Bagi Item 5	71
4.63	Taburan Skor Bagi Item 6	71
4.64	Taburan Skor Bagi Item 7	72
4.65	Taburan Skor Bagi Item 8	72
4.66	Taburan Skor Bagi Item 9	72
4.67	Taburan Skor Bagi Item 10	73
4.68	Taburan Skor Bagi Item 11	73
4.69	Taburan Skor Bagi Item 12	74
4.70	Taburan Skor Bagi Item 13	74
4.71	Taburan Skor Bagi Item 14	75
4.72	Taburan Skor Bagi Item 15	75
4.73	Taburan Skor Bagi Item 16	76
4.74	Taburan Skor Bagi Item 17	76
4.75	Taburan Skor Bagi Item 18	77
4.76	Taburan Skor Bagi Item 19	77
4.77	Dapatan Kajian Untuk Mengenal pasti Penggunaan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PBK) dalam P&P	78
4.78	Dapatan Kajian Bagi Mengenal Pasti Perisian yang diaplikasikan Oleh Guru dalam P&P	82
4.79	Dapatan Kajian Bagi Mengenal pasti Jenis Perkakasan Multimedia yang Digunakan Oleh Guru dalam P&P	85

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

%	-	Peratus
\underline{N}	-	Jumlah Responden
α	-	Alpha
AI	-	artificial intelligence
AMD	-	Advanced Micro Devices
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
BTP	-	Bahagian Teknologi Pendidikan
CD	-	Compact Disc
DVD	-	Digital Video Disc
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunkasi
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IT	-	Teknologi Maklumat
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
LCD	-	Paparan Hablur Cecair
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PBBK	-	Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer
PBK	-	Pembelajaran Berbantuan Komputer
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PJK	-	Pendidikan Jasmani & Kesihatan
R&D	-	Research & Development
S	-	Setuju
SAR	-	Sekolah Agama Rakyat
SBP	-	Sekolah Berasrama Penuh
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SPSS	-	Statistical Packages for the Social Science

SS	-	Sangat Setuju
STS	-	Sangat Tidak Setuju
TP	-	Tidak Pasti
TS	-	Tidak Setuju
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
VR	-	Virtual Reality

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	113
B	Semakan Pakar Bahasa	121
C	Pengesahan Status Pelajar	122

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Komputer adalah salah satu peralatan teknologi yang banyak manfaat untuk memudahkan sesuatu pekerjaan. Peralatan teknologi di gunakan di sekolah adalah untuk memudahkan urusan pentadbiran kakitangan sekolah. Seterusnya kepada guru agar memudahkan dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala bagi para pelajar, ia akan membantu pelajar lebih mudah menerima pengajaran dari guru kerana ia menarik minat untuk belajar.

Peralatan multimedia seperti komputer memerlukan peralatan lain sebagai sokongan agar ia dapat digunakan sebaik mungkin. Contohnya, paparan hablur cecair (LCD), skrin putih, internet, speaker, perisian dan sebagainya. Sistem pendidikan di Malaysia kini mementingkan penggunaan teknologi agar masyarakat seiring dengan perkembangan teknologi dunia.

Selaras dengan hasrat negara untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, iaitu memerlukan pertumbuhan produktif yang dapat dicapai melalui kepakaran teknologi, tenaga kerja yang mampu berfikir secara kritis, inovatif dan kreatif serta bersedia untuk turut serta dalam ekonomi globalisasi (Abdul Malek Karim et al. 2007). Bagi meningkatkan mutu pendidikan, dasar - dasar pendidikan negara sentiasa dikaji dan kurikulum diperkemaskan bagi memastikan keberkesanan perlaksanaannya dalam menghadapi alaf baru.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memulakan inisiatif melengkapkan sekolah dengan kemudahan komputer dan teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT). Pengguna komputer yang meluas kini memberi impak yang amat besar asas dalam penggunaan komputer dan ICT (Abdul Malek Karim et al. 2007). Kurikulum sekolah sudah menuntut betapa pentingnya penguasaan pengetahuan dan kemahiran literasi ICT, terutama kepada semua pelajar sekolah. Kini pengetahuan dan kemahiran ICT sudah disepadukan dalam kurikulum sekolah, terutamanya di institusi perguruan dan institusi pengajian tinggi yang menjadi tempat latihan bakal guru. Setiap guru pelatih mesti belajar ICT, begitu juga dengan guru-guru sekolah tidak ketinggalan dalam arus perdana ini dengan menghadiri kursus-kursus ICT.

Di samping itu, falsafah pendidikan negara berhasrat untuk membentuk perkembangan potensi individu secara holistik dan bersepadu supaya dapat menghasilkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Zainuddin 2007). Pemangkin ke arah pengubahsuaian ini kerajaan telah mewujudkan Sekolah Bestari yang lengkap dengan teknologi terkini bagi memperbaiki sistem pendidikan negara di samping menyediakan tenaga kerja mahir bagi menghadapi cabaran alaf baru.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah menjadi suatu keperluan di dalam hidup pada abad ini. ICT ini adalah satu teknologi yang digunakan untuk memproses, menyimpan, dan memindahkan maklumat dalam bentuk elektronik. Perkembangan teknologi maklumat telah memberi impak ke atas konsep asas literasi dan kaedah pengajaran membaca dan menulis. Perubahan ini disebabkan oleh peralihan mendadak dari literasi tradisional berasaskan teks bercetak kepada kemunculan teks secara elektronik. Pendedahan pengetahuan dan kemahiran ICT di kalangan guru amatlah perlu dalam melahirkan masyarakat bermaklumat.

Keupayaan menggunakan kemudahan komputer dalam ICT secara berkesan sudah dilihat sebagai agenda penting sebagai prasyarat kepada pengguna untuk memperolehi dan mengeksploitasikan maklumat setiap aktiviti manusia dimana sahaja. Bentuk ICT akan berubah mengikut peredaran masa. Keperluan akan

kebolehan menggunakan ICT tetap kekal sebagai kunci untuk ikut serta secara mutlak dalam masyarakat bermaklumat.

1.2 Latar Belakang Masalah

Bagi merialisasikan matlamat wawasan 2020, guru terlebih dahulu bersedia dengan ilmu ICT untuk di aplikasikan dalam P&P. Pengubahsuaian sistem pendidikan memerlukan perubahan dari segi amalan dan budaya di sekolah rendah dan menengah (Abdul Malek Karim et al. 2007). Sistem pendidikan masa kini perlu berubah dari pembelajaran yang hanya menekankan hafalan kepada pembelajaran merangsangkan pemikiran dan kreativiti, mengambil kira pelbagai kebolehan dan gaya pembelajaran pelajar serta memastikan semua pelajar berpeluang untuk membina konsep sendiri. Di samping itu, ibubapa dan masyarakat perlu memainkan peranan yang aktif untuk merealisasikan halatuju perubahan dalam sistem pendidikan negara.

Pembelajaran berbantuan komputer oleh guru dan pelajar masih dalam peringkat yang sederhana. Para guru lebih cenderung mengamalkan kaedah mengajar secara pedagogi seperti konstruktivisme, pembelajaran aktif, pembelajaran kooperatif dan penyelesaian masalah berbanding menggunakan kaedah yang melibatkan komputer (Zainuddin, 2007). Kebanyakan guru-guru yang tidak menggunakan komputer adalah terdiri dari kalangan guru-gruru lama atau golongan yang paling “tradisional” dalam falsafah mengajar mereka. Guru berkenaan lebih selesa dengan kaedah P&P konvensional tanpa memerlukan sokongan teknologi pendidikan terkini.

Menurut Zainuddin (2007), penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dapat menggambarkan kelebihan bakat dan kemahiran seseorang guru. Konsep-konsep dapat disampaikan dengan berkesan dan mudah difahami di samping menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Oleh yang demikian, kemahiran teknologi komputer menjadi satu kemestian kepada semua

pendidik khususnya para pemimpin dan pengurus pendidikan. Perkembangan ICT masa kini memerlukan anjakan dan pengubahsuaian serta penilaian semula pengajaran, pentadbiran, pendekatan dan cara belajar murid di sekolah.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah mula membangunkan konsep Sekolah Bestari pada tahun 1996, di bawah kepimpinan Tan Sri Dato' Dr. Wan Zahid Wan Mohamed, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia waktu itu (Pelan Pembangunan Induk 2001-2010). Sekolah Bestari akan membantu negara melonjak ke Zaman Maklumat dengan membekalkan pendidikan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan masa hadapan negara. Sekolah Bestari Malaysia ialah institusi pembelajaran yang direka semula secara sistemik dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran dan pengurusan sekolah untuk membantu anak-anak Malaysia menghadapi Zaman Maklumat. Komponen utama Sekolah Bestari adalah dari segi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Sistem Pengurusan Sekolah Bestari, Polisi, Sumber Manusia, Kemahiran dan Sikap, Teknologi dan Proses (R&D BTP, 2007).

Sebagai sebuah sekolah yang telah menjadi Sekolah Bestari akan mempunyai ciri-ciri di mana semua murid berupaya belajar mengikut keperluan, kebolehan dan gaya pembelajaran masing-masing. Begitu juga akan berlaku pada seseorang guru yang akan mengadaptasi kurikulum kebangsaan yang luas dengan mengambilkira keperluan dan kebolehan murid supaya selaras dengan pengalaman murid (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).

Menurut laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, ciri-ciri Sekolah Bestari juga adalah persekitaran sekolah adalah kondusif untuk aktiviti pembelajaran, menggalakkan murid mengamalkan gaya pembelajaran akses sendiri, terarah sendiri dan berkadar sendiri dengan guru sebagai fasilitator untuk menggalakkan minat belajar secara berterusan. Pentaksiran murid dijalankan secara berterusan dan digunakan untuk menggalakkan pembelajaran. Pengetua atau Guru Besar sekolah akan bertindak sebagai pemimpin pendidikan dan disokong oleh sekumpulan tenaga pengajar yang profesional dan berkaliber (PIPP, 2006-2010).

Tahap penglibatan dan sokongan ibu bapa dan komuniti adalah tinggi. Contohnya, ibu bapa akan terlibat sama dalam menentukan program pembelajaran anak-anak mereka. Mereka juga akan membantu guru-guru yang memerlukan bantuan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti dalam dan luar bilik darjah serta lawatan sambil belajar. Cabaran untuk guru zaman ini adalah mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknologi yang tinggi di samping menjayakan hasrat negara dalam membestarikan semua sekolah di Malaysia sebagai Sekolah Bestari.

1.3 Pernyataan Masalah

Pentingnya teknologi dalam pendidikan kini adalah untuk memudahkan pemahaman dan pembelajaran pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Sekaligus ia memudahkan guru untuk menjalankan proses pengajaran.

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan telekomunikasi telah menuntut Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadikan jurang digital sebagai salah satu tumpuan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Tumpuan utama KPM adalah untuk menjadikan guru dan pelajar yang berkemahiran dalam bidang ICT. Ini menunjukkan bahawa kesedaran kerajaan mengenai kepentingan ICT dalam pembangunan pendidikan. Bagi melahirkan warga Malaysia yang celik komputer, maka perlulah lahir daripada pendidik yang mempunyai pengetahuan yang celik komputer dan mempunyai sikap positif terhadap komputer.

Kebanyakan institusi perguruan dan institusi pengajian tinggi kini mendedahkan kepada bakal guru tentang kemudahan dan peralatan teknologi dalam bidang pendidikan. Pendedahan ini akan membantu guru untuk menyampaikan pengajaran dengan berbantuan komputer. Terutamanya, UTM yang menjadikan ilmu teknologi sebagai teras matapelajaran untuk membantu bakal guru menggunakan kemahiran teknologi sebagai bantuan pengajaran. Guru-guru yang merupakan bekas pelajar Fakulti Pendidikan UTM merupakan guru yang

berkemahiran dalam ICT. Setiap pelajar akan di bekalkan ilmu teknologi, oleh itu kajian ini untuk melihat penggunaan perisian dan perkakasan multimedia di kalangan semua guru. Kajian ini juga tidak terhad hanya pada bekas pelajar UTM tetapi kepada semua guru di sesebuah sekolah.

Seperti Jacobs et al. (2002) juga berpendapat bahawa guru-guru biasanya hanya akan menggunakan komputer di dalam bilik darjah apabila sudah biasa, selesa serta yakin dengan penggunaan komputer dan hasilnya dalam proses P&P.

Potensi menggunakan komputer dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer atau membudayakan fungsi komputer dalam pendidikan (Ertmer, 1999).

Kajian ini juga akan melihat jika ada kekangan yang menghalang para guru tidak menggunakan peralatan multimedia dalam pengajaran. Dapatan kajian Normawati Abdul Rahman et al. (2007) menyatakan kekangan yang di hadapi oleh guru ialah kemudahan peralatan ICT masih lagi tidak memuaskan dan komputer yang disediakan di bilik guru terhad kepada beberapa unit sahaja. Peralatan-peralatan juga yang rosak menjadi kekangan kepada guru untuk menggunakannya. Tambahan pula, bilangan peralatan yang ada agak terhad dan memerlukan guru berkongsi atau terpaksa menunggu giliran untuk menggunakannya. Peralatan yang rosak mengambil masa yang lama untuk di baiki.

Dengan meninjau ciri-ciri pengalaman mereka dalam penggunaan komputer dan kemahiran sedia ada akan membolehkan tumpuan untuk mengenalpasti keperluan kritikal dalam program pembangunan guru-guru dapat di hebahkan. Guru memerlukan pendidikan iaitu ilmu dan kemahiran dalam menggunakan teknologi sebagai satu alat instruksional secara profesional (Woodrow, 1992).

Keperluan ini adalah sejajar dengan tuntutan KPM yang berusaha untuk melahirkan lebih ramai guru pengguna komputer mahir di sekolah-sekolah kerana komputer dapat mengurangkan beban guru dan kekangan yang wujud dalam

pembelajaran konvensional yang menggunakan buku teks, kapur dan papan tulis (Hong, 1998).

Selain itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersifat konvensional dan linear serta berpusatkan guru dapat di anjakkan kepada satu pendekatan yang lebih dinamik, konstruktif dan berpusatkan pelajar di mana komputer menjadi sebahagian daripada kurikulum.

Praktis pengajaran yang mengintegrasikan komputer akan menggayakan persekitaran P&P selain memberikan kesan interaktif dan dinamik (Baharudin Aris, 2001). Keadaan ini akan meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap proses pembelajaran. Menerusi pembelajaran berkomputer, dijangkakan pelajar mampu berdikari, meneroka dan membina pengetahuan baru.

1.4 Objektif Kajian

- i. Menenal pasti penggunaan PBK dalam P&P di Sekolah Menengah Zon Skudai.
- ii. Menenal pasti perisian yang diaplikasikan oleh guru dalam P&P di Sekolah Menengah Zon Skudai.
- iii. Menenal pasti jenis perkakasan multimedia yang digunakan oleh guru dalam P&P di Sekolah Menengah Zon Skudai.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang akan dikaji berdasarkan objektif kajian seperti yang di tentukan.

Persoalan objektif pertama : Adakah guru-guru menggunakan PBK dalam P&P di Sekolah Menengah Zon Skudai.

- i. Kenal pasti peralatan asas yang terdapat di sekolah.
- ii. Adakah guru-guru mampu membina PBK dan menyukai PBK.
- iii. Bagaimana penggunaan PBK diaplikasikan.
- iv. Keyakinan guru dalam mengaplikasikan PBK.
- v. Kesan aplikasi PBK kepada pelajar, guru, sekolah dan negara.

Persoalan objektif kedua : Apakah perisian yang diaplikasikan oleh guru dalam P&P di Sekolah Menengah Zon Skudai.

- i. Apakah kemahiran yang ada pada guru.
- ii. Kenal pasti perisian yang di gunakan untuk membina PBK dan aplikasi dalam P&P.
- iii. Adakah pelajar bersama-sama dalam P&P.
- iv. Adakah PBK memberi kesan yang positif.

Persoalan objektif ketiga : Apakah jenis perkakasan multimedia yang digunakan oleh guru dalam P&P di Sekolah Menengah Zon Skudai.

- i. Apakah peralatan multimedia yang di gunakan.
- ii. Adakah guru dapat mengendalikan peralatan secara berseorangan.
- iii. Bagaimana penggunaan bilik multimedia yang terdapat di sekolah.
- iv. Adakah guru memberikan peluang kepada pelajar dalam P&P.
- v. Adakah guru mempunyai kesungguhan dalam memanfaatkan teknologi terkini dan dalam usaha memberikan pengajaran yang berkesan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting sebagai kajian awal untuk melihat penggunaan PBK dalam P&P dikalangan guru-guru di Sekolah Menengah Zon Skudai. Di samping itu, kajian ini dapat membantu penyelidik untuk mengetahui apakah perisian dan perkakasan multimedia yang digunakan oleh guru dalam P&P di Sekolah Menengah Zon Skudai.

Di akhir kajian, penyelidik mengharapkan agar kajian ini mendatangkan faedah kepada semua pihak terutama kepada guru, pelajar dan pihak-pihak berkenaan seperti sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan dibatasi oleh beberapa skop tertentu dalam mendapatkan maklumat.

- i. Kajian hanya dijalankan di sekolah-Sekolah Menengah Zon Skudai.
- ii. Kajian ini dijalankan terhadap guru-guru yang bertugas di Sekolah Menengah Zon Skudai.
- iii. Kajian ini dijalankan sekitar tahun 2008 sahaja.

1.8 Definisi Konsep dan Istilah

Di dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang akan digunakan oleh penyelidik untuk memberi maksud bagi menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh penyelidik. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:

1.8.1 Penggunaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1998), perihal (perbuatan, kegiatan, dan lain-lain) menggunakan sesuatu.

1.8.2 Perkakasan atau Peralatan

Alatan atau peralatan memberi maksud bermacam-macam alat (Kamus Dewan : 1998). Perkakasan juga di ertikan sebagai peralatan. Peralatan multimedia secara tidak langsung melibatkan beberapa komponen utama seperti sistem komputer serta perkakasan asasnya dan juga perkakasan tambahan yang berkaitan dengan teknologi multimedia itu sendiri (Jamaluddin dan Zaidatun : 2005).

Peralatan adalah alat-alat elektronik yang terdapat dalam suatu sistem komputer yang boleh di sambung dengan peranti-peranti lain seperti projektor LCD, pencetak, pengimbas, televisyen dan lain-lain (Merril : 1986). Sesebuah sistem komputer adalah sebagai sistem pembangunan ataupun sebagai sistem main balik yang digunakan untuk pengajaran di bilik darjah.

1.8.3 Perisian

Perisian yang di definisikan oleh June Jamrich Parsons & Dan Oja ialah :

Software consists of computer programs, support programs, and data files that work together to provide a computer with the instructions and data necessary for carrying out a specific type of task. In common practice, the term “software” is used to describe a commercial product that can be distributed on storage media, such as CDs and DVDs, or made available as a download via the internet.

1.8.4 Multimedia

Multimedia dapat di definisikan sebagai suatu proses komunikasi interaktif berasaskan komputer yang merangkumi penggunaan media audio visual seperti teks, grafik, audio, video dan animasi (Jamaluddin dan Zaidatun : 2003).

1.9 Kesimpulan

Penyelidik berpendapat bab ini penting bagi meneruskan bab seterusnya. Melalui latar belakang masalah, penyelidik dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang jenayah di Malaysia. Penyataan masalah mengkhususkan kepada masalah yang hendak dikaji. Pelbagai usaha perlu dilakukan bagi mengatasi masalah yang timbul. Objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian serta batasan kajian adalah untuk membantu penyelidik memahami apakah yang hendak di kaji oleh pengkaji di dalam tajuk "Kajian Terhadap Penggunaan Perisian dan Perkakasan Multimedia di Kalangan Guru dalam P&P Di Sekolah Menengah Zon Skudai".

BIBLIOGRAFI

- Abd. Ghani Jaafar, How Lee Chan, K.Shoba A/P C. Karuppaya dan Bazrulzaman Baharom (2005). Konsep dan Pelaksanaan Sekolah Bestari di Malaysia. dalam "Peningkatan Profesionalisme Keguruan : Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan". Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Malek Karim dan Abdul Halim Mohamed (2007). Cabaran Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran dalam _____ "Seminar Kebangsaan JPPG 2007 : Teknologi dalam Pendidikan". Batu Pahat : Universiti Tun Hussien Onn.
- Abdul Manaf Bohari (2006). *ICT dari perspektif Profesional : Isu-isu Pengurusan dan Organisasi*. Selangor : Prentice Hall.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2005). *Profesionalisme Keguruan Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aida Sazlin Binti Mohd Salleh (2007). *Persepsi Pelajar Tahun 4 Spi Terhadap Mata Pelajaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (Tmk) Dalam Kurikulum Spi*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Ashinida Aladdin, Afendi Hamat, Mohd. Shabri Yusof (2004). *Penggunaan PBBK (Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing: Satu tinjauan awal*. GEMA Online Journal of Language Studies. Vol.4(1).
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad, Abd. Rahman Hj Abd. Aziz (2005). *Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Jilid 7.
- Azlina Alias (2005). *Tinjauan ke Atas Penggunaan Peralatan Multimedia di kalangan Guru Sains & Matematik dalam Proses P&P di Sekolah Rendah*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.

- Baharuddin Aris (2005). *Merialisasikan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan ICT : Penghasilan Kertas Kerja 2005*. FP : UTM.
- Baharuddin Aris, Mohammad Bilal Ali, Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir. (2001). *Sistem Komputer & Aplikasinya*. Kuala Lumpur : Venton Publishing.
- Baharuddin Aris, Mohamad Bilal Ali, Norah Md Noor, Mohd Nihra, Noor Azean, Manimegalai Subramaniam dan Zaleha Abdullah (2003). *Sains Komputer : Teknik dan Teknologi*. Selangor : Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin, Manimegalai Subramaniam (2002). *Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Che Su Mat Zain (2003). *Tinjauan Terhadap Penggunaan Multimedia Oleh Guru dalam P&P di Empat Buah Sekolah Bestari Negeri Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Hashimah Hashim, Abdul Rashid Jasmian dan Ab Rahim Bakar. (2007). Kesan Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan Murid Sekolah dalam _____ “Seminar Kebangsaan JPPG 2007 : Teknologi dalam Pendidikan”. Batu Pahat : Universiti Tun Hussien Onn.
- Hofstetter, F. T, (1997). *Multimedia Literacy Second Edition*. New York : McGraw-Hill.
- Jacobsen. M, Clifford, P. Dan Friesen, S. (2002). *Preparing Teachers for Technology Integration: Creating a Culture of Inquiry in the context of Use*. Contemporary Issues in Technology & Teacher Education (online serial), 2. (3). <http://www.citejournal.org/vol2/iss3/currentpractice/article2.cfm>.
- Jamaluddin Ahmad, Tajularipin Sulaiman dan Sidek Mohd Noah (2007). Tahap Kemahiran Penggunaan ICT Guru Pelatih IPTA dalam _____ “Seminar Kebangsaan JPPG 2007 : Teknologi dalam Pendidikan”. Batu Pahat : Universiti Tun Hussien Onn.
- Kamus Dewan (1998). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Pembangunan Pendidikan 2001-2010: *Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*.

<http://www.moe.gov.my>

- Lim Hoi Yuen (2005). *Keberkesan Penggunaan Multimedia Terhadap KBKK Pelajar Tahun 2 Sek. Ren. Dalam Sains*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Lay, Yoon Fah & Khoo Hoon (2002). *Tahap Literasi Komputer di kalangan pensyarah perguruan Keringau*. Jurnal Penyelidikan Maktab Perguruan Keningau Sabah.
- Bil 1.
- Mathew b. Dusun (2007). *Kajian Perbezaan Pengalaman dan Sikap Terhadap Komputer dalam P&P di antara Pengguna Komputer Mahir dengan Guru-guru Pengguna Komputer Biasa*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Merril, P.F., Tolman, M.N., Christensen, L., Hammons, K., Vincent, B.R. and Reynolds, P.L. (1986). *Computer in Education*. Prentice-Hall Englewood Cliffs : New Jersey.
- Mohd Aizani Maarof. (2004). *Siri III Teknologi Maklumat : Multimedia, keselamatan data dan koridor raya Multimedia (MSC)*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Arif Ismail dan Paridon Sahid (2007). Tahap Kemahiran Penggunaan ICT Guru Pelatih IPTA dalam _____ “*Seminar Kebangsaan JPPG 2007 : Teknologi dalam Pendidikan*”. Batu Pahat : Universiti Tun Hussien Onn.
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1997). *Pembinaan Analisis: Ujian Bilik Darjah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sazali dan Maizam (2007). Kesan Integrasi Pembelajaran Berasaskan Komputer dan Pembelajaran Kolaboratif ke Atas Proses Pembelajaran Aljabar. dalam _____ “*Seminar Kebangsaan JPPG 2007 : Teknologi dalam Pendidikan*”. Batu Pahat : Universiti Tun Hussien Onn.

- Nazilah Abdullah (2007). *Kajian Terhadap Kaedah Mengajar, Kefahaman, dan Pandangan Guru Terhadap Konsep Sek. Bestari di Sebuah Sekolah di Daerah Kulai*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Noraini Attan (2002), *Tahap Kesediaan Guru Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Bagi Pengajaran Dan Pembelajaran Sains*. UKM : Tesis Sarjana. Tidak Diterbitkan.
- Normawati Abdul Rahman, Mohd Shafie Idris, Mohd Zaid Mustafa (2007) *Cabaran Penggunaan ICT di kalangan guru Sekolah Menengah Teknik dalam pengajaran dan pembelajaran*. dalam _____ “Seminar Kebangsaan JPPG 2007 : Teknologi dalam Pendidikan”. Batu Pahat : Universiti Tun Hussien Onn.
- Parsons, J. J, Oja. D, (2007). *Computer Concept Sixth Edition*. United States : Thomson Course Technology.
- Pembangunan Pendidikan 2001-2010. *Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
<http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=pipp&unit=kementerian&bhs=my>
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. *Status Pelaksanaan Program Pembestarian Sekolah*.
<http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=pipp&unit=kementerian&bhs=my>
- R&D BTP (2007). *ICT: Lebih Banyak Sekolah Pedalaman Terlibat*.
http://jq1004.blogspot.com/2007/05/ict-lebih-banyak-sekolah-pedalaman_10.html
- Wan Mohamad Wan Ibrahim, Hazlina Awang Lah, Zakarna Jusoh, Zari Ibrahim, Hj Ismail bin Deris (Tiada catatan tahun). *Tahap Keperluan Pengetahuan Dan Kemahiran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Di Kalangan Guru-Guru Di Beberapa Buah Sekolah Di Jajahan Kota Bharu Kelantan*. GEMA Online Journal of Language Studies. Vol.4(1).
- Zainuddin Abu Bakar, Meor Ibrahim Kamaruddin, Megat Aman Zahiri dan Mohd Ali. (2007). *Kemahiran ICT Guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia dalam _____ “Seminar Kebangsaan JPPG 2007 : Teknologi dalam Pendidikan”*. Batu Pahat : Universiti Tun Hussien Onn.

Zulkifli Abdul Manaf dan Raja Mazrah Raja Hussain. (1994). *Attitudes, Knowledge and Previous Computer Experience of Teacher Trainees in the Diploma of Education Programme at the University Of Malaya*. Journal of Educational Research, 16: 1-19.

Zulkifli Muhammad bin Ismail (2007). *Meningkatkan Penggunaan Pusat Sumber Sekolah dalam Kalangan Pelajar Melalui Program Budaya Membaca*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Jilid 7.

_____ *Rancangan Malaysia ke-9*. (11 Februari 2006). Berita Harian Online (2006).

_____ (2001). *Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Unit Komputer Dalam Pendidikan Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Sumber Internet: <http://kdp.ppk.kpm.my>

_____ *Social Learning Theory (Bandura)*.

http://cranepsych.com/Psych/Social_learning_Theory.pdf

_____ *Kecerdasan Buatan*.

http://www.wikipedia.com/Kecerdasan_buatan.htm

_____ *Realiti Maya*.

http://www.wikipedia.com/realiti_maya.htm